

14/03/2000

Tajol tetap enggan tanding Naib Presiden

Dzulkfley Zanudin

IPOH, Isnin - Pengerusi Badan Perhubungan Umno Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali mengulangi pendiriannya menolak pencalonan untuk bertanding jawatan Naib Presiden, sebaliknya menumpukan kerusi Majlis Tertinggi (MT).

Tajol yang juga Menteri Besar berkata, yang penting ialah memastikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menang tanpa bertanding, masing-masing untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden.

Berikutan itu, katanya, tumpuan harus diberikan kepada kemenangan Dr Mahathir dan Abdullah demi mengekalkan perpaduan parti serta menghadapi cabaran lebih besar menjelang pilihan raya umum akan datang.

"Sejak dulu, saya membuat keputusan untuk tidak bertanding kerusi Naib Presiden. Terima kasihlah kepada bahagian yang mencalonkan saya.

"Saya berharap pemimpin Umno memberi keutamaan kepada Umno. Malah, saya sendiri jika hendak bertanding jawatan Naib Presiden, saya hanya pernah jadi menteri setahun lebih. Ramai lagi menteri lebih kanan daripada saya dan jika hendak kira menteri besar, lebih ramai kanan daripada saya.

"Pada saya, jawatan nombor satu dan dua parti lebih penting dan tidak ditandingi. Tidak guna jawatan bagi saya jika pada pilihan raya umum 2004, Barisan Nasional (BN) yang ditunjangi Umno kecundang.

"Paling penting kita menang pilihan raya. Tahun 2004 sama ada saya bertanding atau tidak (jawatan Naib Presiden, tidak penting. Tetapi yang penting BN menang," katanya di sini, hari ini.

Beliau mengulas dua pencalonan yang diterimanya untuk bertanding Naib Presiden daripada Umno bahagian Teluk Intan dan Kampar, semalam dan beberapa bahagian lain di Perak dijangka mencalonkannya bagi jawatan itu.

Tajol yang mempertahankan jawatan Ahli MT kali ini mahu semua pihak yang memberi nasihat orang lain tidak bertanding demi perpaduan parti mengotakan kata itu dan bukannya ghairah bertanding yang hanya menonjolkan sikap sebenar mereka yang tidak ikhlas kepada perjuangan parti.

Mengenai isu Umno bahagian di Perak tidak mematuhi saranan Menteri Besar Perak, Perlis dan Kedah agar Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah dicalonkan untuk jawatan Naib Presiden bagi mengelak perpecahan parti jika bertanding jawatan lebih tinggi, Tajol berkata, atas kebimbangan itulah saranan berkenaan dibuat sebagai jalan keluar.

Bagaimanapun, ia hanya garis panduan dan setiap bahagian bebas membuat keputusan sendiri.

Setakat ini, daripada tujuh bahagian yang bermesyuarat di Perak, hanya bahagian Gerik yang diketuai Tajol mencalonkan Tengku Razaleigh untuk jawatan Naib Presiden.

Tajol berkata, Badan Perhubungan Umno negeri merestui tindakan Umno bahagian Beruas semalam untuk memutuskan mesyuarat perwakilan Pergerakan Pemuda Umno bahagian itu, petang kelmarin tidak sah.

Perkara itu akan dirujuk kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno kerana Pengerusi Tetap pergerakan itu, Abd Wapar Mat Zin dilaporkan tidak membayar yuran keahlian.

Ketua Umno bahagian Beruas, Datuk Hamdi Abu Bakar semalam berkata pihaknya mengambil langkah itu untuk mengelak mesyuarat bahagian terbatal atau tidak sah berikutan penyertaan ahli tidak membayar yuran.

Berikutan keputusan itu, kelima-lima perwakilan pergerakan itu, termasuk Ketua Pemudanya, Mohd Ali Mansor, hanya dibenarkan hadir sebagai

pemerhati.

Katanya, tindakan itu wajar bagi mengelak mesyuarat tertangguh berikutan masalah Pengerusi Tetap pergerakan itu tidak membayar yuran, sama ada cuai atau tidak melaksanakan tanggungjawabnya itu.

Katanya, semua mesyuarat cawangan pergerakan itu sah selagi tidak dipengerusikan ahli yang tidak menjelaskan yuran.

Beliau akan merujuk perkara itu untuk mendapatkan kepastian Jawatankuasa Pengurusan dan Displin Umno mengenai status mesyuarat pergerakan itu, termasuk dakwaan yuran ditolak cawangan atau bahagian.